

| | | | |
|-------------|---|------------|------------------|
| Headline | TNB serah rumah baharu pengawal keselamatan | | |
| MediaTitle | Berita Harian | | |
| Date | 20 Sep 2016 | Language | Malay |
| Circulation | 125,514 | Readership | 947,000 |
| Section | Nasional | Page No | 29 |
| ArticleSize | 371 cm ² | Journalist | Aslina Abu Bakar |
| PR Value | RM 38,220 | | |
| | | | |



PROGRAM CSR BAITI JANNATI

TNB serah rumah baharu pengawal keselamatan

➔ Keluarga Bakri menetap selama 20 tahun di kediaman usang, reput

Oleh Aslina Abu Bakar

bhkt@bh.com.my

► **Kuala Berang**

Selepas 20 tahun menetap di rumah usang dan reput yang dibeli dengan harga RM2,000, kini keluarga Bakri Abdullah, 50 dari Kampung Kua, di sini, boleh hidup lebih selesa apabila memperoleh bantuan rumah sumbangan Tenaga Nasional Berhad (TNB).

Bakri yang bekerja sebagai pengawal keselamatan di Sekolah Kebangsaan Kua, berkata pendapatan sebulan sebanyak RM1,000 tidak cukup digunakan untuk membaiki rumah.

Empat anak masih belajar

“Saya mempunyai empat anak dan semuanya masih belajar dan berada di bawah tanggungan saya. Jadi gaji yang diperoleh itu hanya cukup untuk makan minum dan perbelanjaan harian saja.

“Saya pernah membaiki rumah beberapa kali, tetapi dengan belanja yang kecil saya hanya mampu membaiki beberapa bahagian rumah yang rosak sahaja dan saya juga pernah mendapat bantuan atap,” katanya selepas Majlis Penyerahan Bantuan Rumah Projek Baiti Jannati TNB 2016 di Kampung Kua di sini, semalam.

Yang turut hadir, Ahli Dewan

Undangan Negeri (ADUN) Datuk Tengku Putera Tengku Awang dan Pengurus Besar Stesen Jana Elektrik TNB Sultan Mahmud Kenyir, Mustafa Hashim.

Bakri berkata, setiap kali musim tengkujuh dia dan keluarga akan berpindah kerana bimbang keselamatan mereka.

“Saya bersyukur dengan sumbangan daripada pihak TNB dan dengan adanya bantuan ini patlah saya lima beranak hidup lebih selesa,” katanya.

Sementara itu Mustafa berkata, Baiti Jannati antara program khidmat masyarakat TNB untuk membantu golongan kurang bernasib baik untuk mendapatkan tempat tinggal yang lebih selesa,” katanya.



| | | | |
|-------------|---|------------|------------------|
| Headline | TNB serah rumah baharu pengawal keselamatan | | |
| MediaTitle | Berita Harian | | |
| Date | 20 Sep 2016 | Language | Malay |
| Circulation | 125,514 | Readership | 947,000 |
| Section | Nasional | Page No | 29 |
| ArticleSize | 371 cm ² | Journalist | Aslina Abu Bakar |
| PR Value | RM 38,220 | | |
| | | | |



Pengerusi Jawatankuasa Transformasi Kerajaan, Komunikasi dan Multimedia Terengganu, Ghazali Taib (tiga kiri) menyampaikan replika kunci kepada Bakri (dua dari kanan) disaksikan Mustafa (kanan) di Kampung Kua, Kuala Berang, semalam.